



Selamat Datang
Ke Laman Portal
Universiti Putra Malaysia

UTAMA | FAKTA & ANGKA | DIREKTORI KAKITANGAN | LOKASI | PETA LAMAN | SOALAN LAZIM | HUBUNGI KAMI

CARI



Khamis, April 28, 2016

MENGENAI KAMI | PENYELIDIKAN | AKADEMIK | JARINGAN | ANTARABANGSA | KEHIDUPAN KAMPUS | PERKHIDMATAN

| A- | A+ | EN | RU | AR

BERITA »

UPM Ke-40 universiti terbaik dunia bidang Agribusiness/Food Industry Management



Oleh: Nor Hazlina Zamaruddin

SERDANG, 21 Mei - Universiti Putra Malaysia (UPM) disenaraikan pada tangga ke-40 universiti terbaik dunia dalam bidang Agribusiness/ Food Industry Management dalam penarafan Eduniversal Best Masters Ranking 2015/2016.

Prestasi ini juga telah meletakkan UPM sebagai 5 universiti terbaik di Asia.

Program Master of Business Administration (MBA) in Agricultural Management yang telah disenaraikan dalam penarafan ini dinilai menggunakan tiga kajian soal selidik iaitu kajian reputasi program, kajian jumlah pendapatan dalam pekerjaan yang pertama graduan serta kajian kepuasan pelajar.

Skor turut diberikan jika program pengajian sesebuah universiti itu mempunyai sekurang-kurangnya tujuh pelajar daripada negara yang berasingan, 20% graduan menjalani latihan praktikal di luar negara, mengambil sekurang-kurangnya lima pelajar yang mempunyai pengalaman bekerja dalam bidang berkaitan dan program yang menawarkan pengajian jarak jauh.

Program lain yang diraih UPM iaitu Master of Environment berjaya berada pada tangga ke-88 terbaik dunia.

Selain itu, Eduniversal Ranking juga turut menyenaraikan program MBA in Human Resources Management, Master in General Management (MBS Specialisation), MBA in Marketing, Master of Management in Information Technology, Master of Sciences in Accounting dan MBA (Finance) sebagai 200 program terbaik di Asia Tenggara.

Maklumat lanjut keputusan Eduniversal Best Masters Ranking 2015/2016 boleh didapati melalui <http://www.best-masters.com/>

RSS | Dasar Privasi | Dasar Keselamatan | Penafian | Notis Hakcipta | Peta Laman | Bantuan | Jumlah Pelawat :
Paparan terbaik menggunakan Internet Explorer, Safari, Firefox, Google Chrome dengan resolusi 800 x 600 dan 1024 x 768 (S1)

@2013 Universiti Putra Malaysia
Kemaskini Terakhir : 27 Apr 2016

